

# Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



BERITA JMM JILID 20/BIL.3

■ SEP - DIS 2016

ISSN 2231 - 8321



## MENARIK DI DALAM:

Pameran Tenunan Songket ASEAN "Ratu Kain: Satu Rumpun, Satu Warisan"  
Pameran Wayang Kulit Nusantara Simbolisme Di Sebalik Layar  
Bicara Kurator Perdana Oleh Profesor Adrian Vickers

# KANDUNGAN

04 ✓

Lidah  
Pengarang

10 >

Pameran Kerangan Laut  
Permata Lautan  
Anjuran Muzium Alam Semulajadi

## CERITA MUKA DEPAN

- 05 > Pameran  
Tenunan Songket
- 07 > Seminar Songket



- 08 > Pameran  
Wayang Kulit  
Nusantara  
Simbolisme Di  
Sebalik Layar

- 09 ✓  
Seminar Wayang  
Kulit Nusantara  
Simbolisme Di  
Sebalik Layar



- 11 ✓  
Pameran Biodiversiti  
Terumbu Karang  
Dunia Hidupan Marin

- 12 ✓  
Pameran 3D Art Sepanjang  
Jalan Kenangan  
Di Galeri A, Muzium Perak



14 > Pameran Wira  
Tak Di Canang  
Di Muzium Kota  
Kuala Kedah

14 ✓  
Penerimaan  
Darjah  
Kebesaran  
Negeri  
Melaka



15 ✓  
Seminar Wacana Busana  
Lambang Ketamadunan  
Melayu

16 ✓  
ALBUM JMM



18 ✓  
Bicara  
Kurator  
Perdana  
Oleh  
Profesor  
Adrian  
Vickers

19 ✓  
Program Wacana Ilmu  
Bicara Sejarah: Prospek  
Sejarah kepada Impak  
Pelancongan di Negeri  
Pahang

20 ✓  
Bicara Kurator Siri Kedua  
Tahun 2016: Tamadun  
Lembah Bujang:  
Prospek Arkeologi Dan  
Pelancongan



21 ✓  
Seminar Kearifan Tempatan  
Siri 2: Pemeliharaan Kearifan  
Tempatan, Pemindahan dan  
Pengurusan Ilmu



22 ✓  
Program Bicara Sarjana  
2016 Anjuran Muzium  
Labuan

25 > Program  
Muziumku  
Sekolahku 2016

26 ✓  
Program Eksplorace  
Perdana Chimney 2016  
Jabatan Muzium Malaysia  
Wilayah Labuan



23 > Bengkel Seni Khat  
Kontemporari

24 ✓  
Program Jom Main Tanah  
Sempena Pameran  
Tempayan (In Love With  
Jar Exhibition) Di Muzium  
Negara

27 > Program Terokai  
Muzium Negara

28 > Kursus Pembuatan  
Arca Penguin

29 > Jejak Sejarah  
Muzium Matang

30 ✓  
Pengaruh Islam Dalam  
Tembikar China





## Editorial

### **Penasihat**

Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim

### **Ketua Editor**

Mohd Azmi bin Mohd Yusof

### **Editor**

Azmi bin Ismail

Esa bin Haron

Samsol bin Sahar

### **Penyelaras**

Nor Hasni binti Che Hassan

### **Fotografi**

Unit Sumber Media

### **Edaran**

Unit Perpustakaan

### **Diterbitkan oleh**

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Tel: (+603)2267 1000 (+603)2282 6255

Faks: (+603)2282 6434

<http://www.jmm.gov.my>

### **Dicetak oleh**

OMR Press (M) Sdn. Bhd.

Berita JMM diterbitkan 3 bulan sekali. Buletin ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

### **RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN**

Majlis Perasmian Pameran Tenunan Songket ASEAN "Ratu Kain: Satu Rumpun, Satu Warisan" pada 18 Oktober 2016.

# Lidah Pengarang

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia.

Syukur kehadrat Allah s.w.t, kerana dengan izinNya dapat kita bersua lagi dalam Berita JMM Jld 20, Bil. 3/2016. Terlebih dahulu, tahniah dan syabas kepada seisi warga Sidang Redaksi dan semua yang terlibat dalam menyumbangkan penulisan dan idea bagi keluaran kali ini.

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah berjaya menelusuri Tahun 2016 dengan pelbagai kejayaan khususnya dalam penganjuran pameran dan seminar diperingkat ASEAN dan kebangsaan.

Buletin kali ini memuatkan pelbagai aktiviti sepanjang bulan September hingga Disember 2016. Kemuncak aktiviti JMM adalah Pameran Tenunan Songket ASEAN: Ratu Kain, Satu Rumpun, Satu Warisan, Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme di Sebalik Layar dan Bicara Kurator Perdana: Malaysia-Indonesia *Relationship Histography*. Turut dikongsi juga adalah program-program yang diadakan di 22 buah muzium di bawah pentadbiran JMM.

Akhir kata, semoga seluruh warga JMM sebagai penjawat awam akan berganding bahu melaksanakan agenda perdana muzium iaitu memainkan peranan sebagai pemacu perubahan dalam pelan transformasi muzium dan mengorak langkah menuju kegemilangan.

Sekian, terima kasih.

"MUZIUM KITA TAMADUN KITA"



ESA BIN HARON

Pengarah Bahagian Pameran dan Pengembangan  
Jabatan Muzium Malaysia



# Pameran Tenunan Songket ASEAN

## Ratu Kain: Satu Rumpun, Satu Warisan

Oleh Zarinah binti Saripan ([zarinah@jmm.gov.my](mailto:zarinah@jmm.gov.my)) / Raja Suriaty binti Raja Ahmed ([raja\\_suriaty@jmm.gov.my](mailto:raja_suriaty@jmm.gov.my))

Pameran Tenunan Songket ASEAN, Ratu Kain : Satu Rumpun, Satu Warisan ini merupakan satu pameran yang bertujuan untuk mengembalikan kegembilangan seni warisan tekstil tradisi iaitu songket. Pameran ini telah berlangsung dari 16 Oktober hingga 31 Disember 2016 di Galeri 1 dan 2, Jabatan Muzium Malaysia. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia, Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj pada 18 Oktober 2016 yang lalu. Selain daripada pameran, program sampingan seperti Seminar Songket ASEAN dan jualan serta demonstrasi turut diadakan.

Songket ‘Ratu Kain’ adalah pameran yang menyatukan seni tenunan songket di bawah satu platform bertujuan mengangkat nilai dan martabat songket ke peringkat tertinggi dan global. Jolokan Ratu Kain secara tidak langsung telah meletakkan songket dalam kelas yang tersendiri sebagai fabrik istimewa yang menjadi kebanggaan rantaui ASEAN.





Pameran ini turut menggabungkan kerjasama banyak pihak, bukan sahaja dalam kalangan para pelajar dan pensyarah teknik, malahan para penggiat tenun songket seperti agensi dan jabatan terbabit di dalam dan luar negara, para ilmuwan, NGO serta kelompok penenun yang berpengalaman mengenai songket berteraskan sosio-budaya di negara masing-masing. Antara agensi yang terlibat menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Muzium Malaysia melalui pameran ini ialah Creative Media Technology Hub, UiTM, Jabatan Penjara Malaysia, Perbadanan Kraftangan Malaysia, Yayasan Tuanku Nur Zahirah, Museum Nasional Indonesia, Universitas Makassar, D' Artisan Angkor, Kemboja, The Museum of Culture of Vietnam's Ethnic Groups dan Lamphun Weaving Learning Centre, Thailand.

Pameran ini umumnya mengetengahkan pelbagai jenis songket lama dan baharu yang didatangkan daripada beberapa negara ASEAN sama ada daripada institusi

tertentu seperti muzium, persatuan maupun koleksi orang perseorangan termasuk individu-individu ternama. Pelbagai bentuk songket seperti sarung, samping, selendang, busana dan tengkolok, selain barang baharu dan komersial berdasarkan songket turut dipamerkan. Aspek estetika yang terhasil daripada motif-motif tradisi yang indah dan unik turut menjadi fokus utama, selain mengetengahkan teknik-teknik pembuatan, pewarnaan, persamaan dan perbezaan yang terdapat pada songket ASEAN. Menarik lagi, songket-songket terkini yang menggunakan inovasi mesin dan teknologi baharu turut dipamerkan bagi membolehkan kita melihat perbezaan hasil pembuatan songket daripada generasi terdahulu dan generasi muda masa kini.

Semoga semangat ASEAN berteraskan Songket "Ratu Kain" - 1Rumpun 1Warisan ini dapat dilestarikan untuk terus menjadi tatapan generasi masa kini dan masa hadapan.



## Seminar

# Tenunan Songket ASEAN

## “Ratu Kain: Satu Rumpun Satu Warisan”

Oleh Nik Zaidi Bin Nik Jid ([nikzaidi@jmm.gov.my](mailto:nikzaidi@jmm.gov.my))

Bersempena Pameran Tenunan Songket Asean “Ratu Kain: Satu Rumpun Satu Warisan” pada 19 Oktober 2016 baru-baru ini, Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Seminar Tenunan Songket Asean bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia bagi memeriahkan lagi agenda seni budaya dan warisan melalui tenunan tangan dan juga moden dari zaman silam.

Perasmian dan ucaptama seminar ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Bahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandariah Al-Haj. DYT Tengku Puan di dalam ucaptama menekankan kepentingan memelihara seni warisan songket supaya tidak pupus. Manakala Puan Fatimah binti Dato' Ismail (Ahli Badan Penasihat Tenunan Pahang Diraja) selaku Moderator sepanjang seminar berlangsung.

Seminar ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai, sekolah-sekolah dan juga penyelidik mahupun penggiat songket yang aktif dan mahir dalam bidang ini. Seramai tujuh orang pakar dari pelbagai Negara terdiri daripada Prof Madya



Sulaiman Abd.Ghani (Malaysia), En Wan Manang bin Wan Awang (Malaysia), Dr. Pimada Prachadetsuwat (Thailand) Prof.Andi Ima Kesuma (Indonesia), Bapak Merdi Sihombing (Indonesia), Dr. Kaerta Jayadi (Indonesia) dan Dr Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah (Brunei) telah membentangkan secara ilmiah dan dapat memberikan inspirasi kepada peserta yang hadir dengan jayanya.

Semoga Seminar sebegini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang untuk menambah pengetahuan umum serta memberi manfaat kepada masyarakat.

## Pameran

# Wayang Kulit Nusantara Simbolisme Di Sebalik Layar

Oleh Nor Hasni binti Che Hassan ([hasni@jmm.gov.my](mailto:hasni@jmm.gov.my))

Wayang Kulit merupakan seni tradisional Asia Tenggara merangkumi Indonesia, Thailand dan Malaysia. Ia merupakan karya kebudayaan yang mengagumkan dalam bidang cerita narasi dan warisan yang indah dan berharga. Seni ini semakin dilupakan oleh generasi Y. Menyedari kepentingan memperkasakan warisan wayang kulit ini, Jabatan Muzium Malaysia telah mengambil langkah mengadakan Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme di Sebalik Layar bermula pada 15 November 2016 sehingga 28 Februari 2017 di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia.

Pameran ini secara umumnya mengetengahkan pelbagai jenis wayang kulit yang didatangkan daripada beberapa negara jiran antaranya wayang kulit Melayu, wayang kulit gedek, wayang kulit purwa (atau wayang kulit Jawa) dan wayang kulit Siam. Gambaran awal kewujudan wayang kulit di Nusantara tercatat di dalam Syair Kakawin Arjunawiwha, iaitu syair Jawa yang dikarang pada abad kesepuluh sebagai bukti kelestarian persembahan wayang kulit Jawa daripada awal hingga kini. Dalam naskhah Palace Law of King

Boromatrailokanath Ayutthaya pada 1458 turut menceritakan kesenian wayang kulit iaitu Nang Yai. Di Semenanjung Tanah Melayu pula, terdapat catatan sejarah yang merekodkan bahawa wayang kulit pernah dimainkan di istana Raja Melayu Kelantan yang pertama sekitar 200 tahun dahulu.

Kebanyakan koleksi yang dipamerkan adalah merupakan koleksi institusi tertentu seperti muzium, persatuan mahupun koleksi orang perseorangan. Terdapat lebih dari 50 wayang kulit telah dipamerkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat dan pelancong luar negara.





# Seminar Wayang Kulit Nusantara Simbolisme Di Sebalik Layar

Oleh Mokhtar bin Tamby Ahmad ([mokhtar@jmm.gov.my](mailto:mokhtar@jmm.gov.my))

Bersempena Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme Di Sebalik Layar yang berlangsung di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia bermula 15 November 2016 hingga Februari 2017, satu seminar yang bertemakan Memartabatkan Seni Wayang Kulit: Cabaran dan Masa Depan telah diadakan pada 16 November 2016 (Rabu) bertempat di Muzium Diraja. Seminar ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian ilmu ahli akademik, sejarahwan, budayawan dan NGO berkaitan cabaran dan masa depan wayang kulit.

Ucaptama seminar telah disampaikan oleh Prof. Dr Hatta Azad Khan, Rektor ASWARA yang menekankan antara lain tentang kepentingan melakukan anjakan terhadap persembahan wayang kulit di Malaysia dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni wayang kulit di nusantara amnya. Pembentang kertas kerja adalah terdiri daripada Encik Kamarul Baishah bin Hussin dari ASWARA, Saudari Pauline Fan dari PUSAKA, Encik Md. Shukri bin Edrus dari Persatuan Seni Boneka Malaysia, Encik Baharuddin Baharin bin Ramli dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Encik Siri Neng Buah, penggiat seni wayang kulit. Manakala, moderator seminar ialah



Dato' Prof. Emeritus Mohamed Ghous Nasuruddin. Seramai 85 orang peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada pelajar, pengamal budaya dan kakitangan awam.

# Pameran Kerangan Laut Permata Lautan Anjuran Muzium Alam Semulajadi

Oleh Safia binti Ismail ([safia@jmm.gov.my](mailto:safia@jmm.gov.my))

Pameran Kerangan Laut: Permata Lautan telah dibuka kepada orang awam bermula 1 Jun sehingga 31 Oktober 2016 di Muzium Alam Semula Jadi, Presint 15. Kerangan Laut merupakan cengkerang haiwan moluska marin yang sering ditemui di pesisiran pantai. Cengkerang adalah rangka luar yang dibina dari kalsium karbonat berfungsi untuk melindungi bahagian tubuh lembut haiwan moluska dari pemangsa dan arus deras. Kumpulan kerangan laut merupakan kumpulan haiwan kedua terbesar dan pelbagai dalam alam haiwan merangkumi lebih dari 130,000 spesies yang telah dikenalpasti. Kepelbagaiannya yang tinggi ini menjadikan kerangan laut sebagai kekunci dalam ekosistem yang memainkan peranan penting dalam keseimbangan ekosistem sebagai pengurai, sumber makanan, vektor penyakit dan penunjuk biologi.

Jalan cerita pameran ini memaparkan pengenalan, pengelasan kerangan laut, fungsi kerangan laut sebagai mata wang, pewarna, makanan, alat muzik, perubatan dan perhiasan dalam kehidupan manusia. Pelbagai artifak dan spesimen dipamerkan merangkumi 70 spesies dan 5 unit fosil koleksi Muzium Alam Semula Jadi. Sebanyak 4 unit artifak daripada Bahagian Pengurusan Koleksi JMM turut dipamerkan. Objektif pameran adalah memberi peluang kepada pengunjung menghayati dan menikmati keindahan seni dan nilai saintifik kerangan laut secara lebih mendalam. Selain itu, pameran




ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat awam tentang pentingnya menyayangi dan mencintai alam semula jadi yang menjadi rumah kepada pelbagai spesies fauna malah mampu menarik minat pengunjung mendalami bidang ini.

Di samping itu, pelbagai aktiviti menarik sepanjang pameran telah disediakan oleh pihak Muzium Alam Semula Jadi seperti Kraf untuk Kanak-kanak : Frame dan Pencil Holder Dihiasi Kerangan Laut, Aktiviti Mewarna dan Kuiz Mingguan. Hadiah menarik turut diberikan kepada pengunjung bertuah yang mengunjungi pameran ini.

# Pameran Biodiversiti Terumbu Karang Dunia Hidupan Marin

Oleh Affendi bin Tawakkal ([affendi@jmm.gov.my](mailto:affendi@jmm.gov.my))



Pameran Biodiversiti Terumbu Karang: Dunia Hidupan Marin telah diadakan pada 3 Oktober hingga 31 Disember 2016 di Muzium Marin Labuan dan dibuka kepada para pengunjung bermula pada jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Pameran ini memberikan pelbagai maklumat mengenai biodiversiti terumbu karang yang secara biologinya menjadi ekosistem dasar laut yang sangat penting kepada manusia, alam sekitar dan hidupan marin.

Objektif pameran ini adalah untuk memberi pengetahuan dan maklumat mengenai kepelbagaiannya aneka ragam terumbu karang yang terdapat di perairan Labuan dan Borneo. Selain memberi kesedaran akan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan terumbu karang demi kesejahteraan ekosistem hidupan marin serta memperkuatkan peranan dan fungsi muzium dalam menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan pengembangan muzium.

Oleh yang demikian, pameran ini memaparkan maklumat mengenai pelbagai spesies marin yang hidup dalam lingkungan terumbu karang. Selain turut mendedahkan mengenai pembentukan, pembiakan, klasifikasi terumbu karang, ancaman serta kepentingan terumbu karang terhadap manusia dan alam sekitar. Maklumat dan informasi ini adalah bertujuan untuk mengajak masyarakat mengenali terumbu karang dengan lebih dekat lagi.

Sepanjang proses perlaksanaan pameran dijalankan, pihak Jabatan Taman Laut Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan Labuan (JTLM) telah memberikan kerjasama, bantuan dan sumbangan demi menjayakan pameran ini. Pameran ini diharap dapat mencapai objektifnya dan memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga alam semula jadi negara kita.



# Pameran 3D Art Sepanjang Jalan Kenangan Di Galeri A, Muzium Perak

Oleh Nor Hanisah binti Ahmad ([norhanisah@jmm.gov.my](mailto:norhanisah@jmm.gov.my))

Muzium di Malaysia awalnya dikenali sebagai 'sekolah gambar' kerana kaedah pamerannya yang banyak menggunakan gambar. Pameran muzium lazimnya berbentuk konvensional iaitu artifak dipamerkan dalam peti pameran dan diperincikan dengan kapsyen yang bersesuaian bagi menerangkan sejarah dan fungsi artifak berkenaan. Setiap koleksi yang dipamerkan bukan bertujuan sebagai bahan hiasan sahaja tetapi dilengkapi dengan nilai-nilai moraliti, estetika dan kesenian yang memberikan pendidikan kepada masyarakat. Perkembangan teknologi terkini telah menghasilkan media baharu dari elektronik ke fotonik menggunakan aplikasi 3D dan 5D di muzium dan galeri pameran seluruh dunia. Ringkasnya teknik 3D atau 3 dimensi membolehkan pengguna melihat sudut pandang objek secara lebih nyata dari setiap penjuru. Perkembangan teknologi ini telah memberikan suatu idea kepada pihak Muzium Perak untuk melakukan anjakan paradigma bagi menghasilkan sebuah pameran menggunakan teknik yang berbeza dari kebiasaannya.



Justeru itu, Muzium Perak buat pertama kalinya cuba memecahkan ruyungnya dengan menggunakan aplikasi teknik visual grafik 3D dengan tajuk pameran di Sepanjang Jalan Kenangan. Pameran ini diadakan mulai 15 September 2016 hingga 15 September 2017. Penggunaan teknik pameran ini telah memberikan nafas baharu ke dalam ruang pameran muzium, yang secara tidak langsung pengunjung akan mendapat pengalaman dalam menghayati sejarah dan budaya negara. Sempena pameran ini, satu majlis perasmian telah diadakan pada 8 November 2016 yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Haji Abdul Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT).

Secara keseluruhan, pameran ini mempunyai 19 segmen berkaitan sejarah, warisan seni, budaya dan alam semula jadi negara. Ia pasti dapat menggamit nostalgia masyarakat melalui pelbagai segmen yang dibangunkan melalui teknik visual grafik 3D. Antara segmen tersebut seperti gambaran kehidupan manusia semasa zaman pra-sejarah, perkampungan Melayu, suasana 'Kopitiam', makanan warisan, sejarah awal penanaman getah, kebun durian yang sinonim dengan negeri Perak,



tarian naga, seni persilatan Melayu, pelbagai haiwan dan sebagainya. Setiap segmen yang ditampilkan sarat dengan bahan maklumat mengenai sejarah budaya bangsa kita. Ia menggambarkan mengenai kehidupan masyarakat dari zaman pra sejarah sehingga masyarakat kini yang berbilang bangsa dan budaya. Ia ditampilkan dengan cara yang ringkas melalui aplikasi teknik visual grafik 3D. Bagaimanapun, cara ini mampu mendorong masyarakat untuk lebih mudah mengingati fakta yang ingin disampaikan. Ini kerana otak manusia lebih mudah mengingati fakta melalui gambaran secara visual berbanding dengan tulisan atau lisan.

Pameran ini bukan bertujuan sebagai hiburan semata-mata, tetapi selaras dengan teras utama Jabatan Muzium Malaysia iaitu memberikan pendidikan melalui pameran. Bukan itu sahaja, pameran 3D ini dilihat mampu menggalakkan lebih ramai pengunjung untuk berkunjung ke muzium bagi merasai sendiri pengalaman seolah-olah berada dalam keadaan sebenar yang terdapat dalam seni visual grafik 3D yang dipamerkan. Penggunaan teknik pameran ini telah mendapat sambutan hangat dari seluruh lapisan masyarakat dari kanak-kanak hingga warga emas. Ini juga memberi peluang kepada masyarakat untuk berinteraksi dengan bahan pameran. Pengalaman ini pula akan dirakam dalam bentuk foto yang menjadikan mereka sebagai sebahagian daripada pameran tersebut. Ia juga seiring dengan budaya masyarakat sekarang yang gemar mengambil gambar secara 'selfie' dan 'wefie' tanpa mengira usia. Sempena pameran ini juga telah diadakan pertandingan selfie / wefie sebagai satu usaha untuk menarik lebih ramai pelawat ke pameran ini.

# Pameran Wira Tak Di Canang Di Muzium Kota Kuala Kedah

Oleh Zamzarina binti Khalid ([zamzarina@jmm.gov.my](mailto:zamzarina@jmm.gov.my))



Dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, Malaysia telah melalui pelbagai peristiwa sehingga negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Terdapat tokoh-tokoh besar yang berjuang sama ada secara kekerasan, sederhana maupun melalui platform parti politik yang mempunyai pelbagai fahaman dan agenda perjuangan. Namun begitu, terdapat juga tokoh-tokoh yang kurang dikenali tetapi sebahagian daripada mereka memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam memastikan dan menjamin kemerdekaan negara. Sehubungan itu, Muzium Kota Kuala Kedah telah mengadakan Pameran ‘Wira Tak Di Canang’ bagi menghargai pengorbanan dan sumbangan tokoh tersebut agar tetap dikenang dalam lipatan sejarah.

Bermula 20 Ogos 2016 hingga 20 September 2016 orang ramai berpeluang mengenali tokoh-tokoh seperti Abdul Samad bin Ahmad, Bibi Aishah binti Hamid Don, Yuen Yuet Leng, John Aloysius Thivy, Ibrahim bin Abdullah dan lain-lain lagi. Pameran khas diadakan sempena Bulan Kemerdekaan ke-59 ini, adalah menjurus tempoh masa era 1920an hingga 1960an yang menyaksikan perjuangan dan pengorbanan yang terpaksa ditempuh oleh wira-wira kita dalam merealisasikan kemerdekaan negara.

Dengan adanya pameran seperti ini secara tidak langsung dapat meningkatkan semangat nasionalisme khususnya dalam kalangan generasi muda serta menyemarakkan sikap bertanggungjawab dan keperihatinan dikalangan rakyat negara khususnya terhadap perjuangan bangsa dan negara.



## Penerimaan Darjah Kebesaran Negeri Melaka

Sekalung tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia atas pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Melaka, Darjah Pangkuhan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran “Datuk” sempena Hari Jadi yang ke-78, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob pada 19 November 2016 (Ahad) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.



# Seminar Wacana Busana Lambang Ketamadunan Melayu

Oleh Azman bin Abd Manap ([azman@jmm.gov.my](mailto:azman@jmm.gov.my))

Bertempat di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Kuala Lumpur, telah berlangsungnya Wacana Busana Lambang Ketamadunan Melayu pada 22 Oktober 2016 yang lalu. Program ini adalah anjuran bersama Himpunan Kedaulatan Melayu Islam Akhir Zaman (HIKMAH), dan disokong oleh Pertubuhan Komuniti Seni Melayu dan Dunia Seni Silat Melayu (DSSM) Selangor/Malaysia. Wacana ini adalah acara ke-3 pada tahun 2016 dan merupakan acara ke-18 keseluruhan program di bawah HIKMAH.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menonjolkan dan memberi pengetahuan tentang kehebatan ketamadunan Melayu yang tersurat dan tersirat melalui pemakaian busana tradisional. Ia juga membantu menegaskan muzium sebagai gedung ilmu dan destinasi yang wajib dikunjungi oleh pengunjung. Selain itu, program ini dapat mendekatkan muzium dengan masyarakat terutamanya dengan para pelajar IPT, agensi-agensi luar dan orang perseorangan.

Acara pagi itu dimulakan dengan pendaftaran peserta, bacaan doa, persembahan silat dan syair busana Melayu serta ucapan alu-aluan oleh Presiden dan pengasas HIKMAH, Encik Radzi Sapiee. Program Wacana Busana Lambang Ketamadunan

Melayu ini telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Hj Ab Ghaffar bin A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Para pembentang bagi program ini juga tidak kurang hebatnya. Antara sidang pembentang yang dijemput adalah Puan Rosidah binti Abdullah, Kurator Muzium Tekstil, Kuala Lumpur; Encik Azlan Ghanie, Pengasas MAGMA, Persatuan Guru-Guru

Seni Bela Diri dan Pengasas Majalah Seni Beladiri; Encik Mohd Emil Azril, Aktivis Budaya dan Naib Pengurus Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kuala Lumpur dan YM. Tengku Ahmad Ridhaudin, Aktivis Budaya dan Kolektor Keris. Pembentang-pembentang telah berkongsi pengetahuan berkenaan bidang busana khususnya penggunaan

pakaian tradisional iaitu tanjak, samping, baju dan seluar, baju hias, bengkung, pending, serta keris.

Kesimpulannya, pendekatan melalui program ini, dapat menghidupkan semula cara pemakaian tradisional supaya anak-anak Melayu berbangga dengan cara pakaian milik sendiri dan tidak berasa canggung memperlihatkannya kepada umum. Ingatlah tradisi kita teras kekuatan bangsa Melayu itu sendiri. Bak kata Dato Laksamana Tun Tuah, "Takkan Melayu Hilang Di Dunia".





**Love Mud with Austim di Dataran Muzium Negara pada 09 Sept 2016.**



**Majlis Qurban JMM di Muzium Di Raja pada 15 Sept 2016.**



**Life On TV9 Nasi Lemak Kopi O Di Muzium Negara Sempena Hari Malaysia pada 16 Sept 2016**



**Tandatangan MOU-UITM UDPS di UITM Shah Alam pada 22 Sept 2016.**



**Pembentangan Rang Undang-Undang pada 23 Sept 2016.**



Gaya Hijabsita di Bilik Penerokaan Muzium Negara pada 26 Sept 2016.




Lawatan YB Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Abdul Aziz ke Stesen MRT Muzium Negara pada 10 Okt 2016.



Lawatan YBhg Tan Sri KSU ke JMM sempena Jumbo Sale pada 29 Okt 2016.



Lawatan kerja Jabatan ke Media Prima pada 1 Nov 2016.



# BICARA KURATOR PERDANA

## Oleh Profesor Adrian Vickers

Oleh Nor Hashila binti Hassim (*hashila@jmm.gov.my*)



Perhubungan antara Malaysia dengan Indonesia telah lama terjalin. Bukan sahaja perhubungan diplomatik, namun Malaysia dan Indonesia adalah rumpun bangsa yang sama. Cara hidup dan budaya tidak jauh berbeza. Begitulah kupasan Profesor Adrian Vickers dalam program Bicara Kurator Perdana yang telah diadakan pada 21 Oktober 2016 bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan muzium Malaysia (JMM).

Profesor Andrian Vickers juga turut berkongsi berkenaan usaha beliau mewujudkan *Virtual Museum : Bali Paintings* iaitu suatu pengkalan data berkenaan lukisan Bali. Melalui pautan ini orang ramai dapat melihat dan mengetahui mengenai lukisan Bali yang telah wujud seawal 1939 iaitu pada tahun meletusnya Perang Dunia Kedua lagi.

Menjadi kelaziman bagi program Bicara Kurator Perdana menampilkan penceramah jemputan bagi membicarakan kepakaran masing-masing sebagai perkongsian ilmu dengan para hadirin. Kali ini program Bicara Kurator Perdana dengan kerjasama Universiti

Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menampilkan Profesor Adrian Vickers, daripada University Of Sydney, Australia bagi memperkatakan berkenaan Hubungan dan Pensejarahan Malaysia – Indonesia.

Program ini telah dihadiri oleh 59 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia, wakil dari muzium-muzium seperti Muzium Tentera Darat, Muzium Polis, Muzium Tokoh Johor, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Balai Seni Visual Negara, Kraftangan Malaysia dan Perbadanan Muzium Melaka. Sesi Bicara Kurator kali ini dipengerusikan oleh Puan Miti Fateema Sherzeella binti Mohd Yusoff, Pengarah Muzium Diraja.

Melalui perkongsian ilmu sebegini, para peserta berpeluang menimba pengetahuan tambahan pula dunia permuziuman kini menjadi semakin mencabar dengan perkembangan teknologi yang terlalu pantas. Dalam usaha kita mengekalkan warisan bangsa, seharusnya kita mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kecanggihan teknologi masa kini.



# Prospek Sejarah kepada Impak Pelancongan di Negeri Pahang

Oleh Siti Nor Junaimah binti Jamaludin ([junaimah@jmm.gov.my](mailto:junaimah@jmm.gov.my))

Bersempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, Muzium Sungai Lembing dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang dan Jabatan Mineral dan Geosains Pahang telah mengadakan program Wacana Ilmu-Bicara Sejarah bertajuk Prospek Sejarah kepada Impak Pelancongan di Negeri Pahang pada 26 Oktober 2016 bertempat di Panggung Wayang Lama Sungai Lembing. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengumpul segala maklumat daripada tokoh-tokoh yang masih ada berdasarkan aspek sejarah, perlombongan, geologi dan ekonomi penduduk pada era kegemilangan Sungai Lembing. Seramai 3 orang ahli panel jemputan iaitu Encik Niyamil bin Hassan, Ketua JKKK Kampung Kuala Kenau yang mengupas Tajuk "Sejarah Sungai Lembing". Panel kedua iaitu Encik Adha Syuraini bin Abdul Ghani merupakan Pegawai Geosains dari Jabatan Mineral dan Geosains Pahang membentangkan tajuk "Perlombongan Bijih Timah di Sungai Lembing".

Pembentangan terakhir bertajuk "Impak Kegiatan Perlombongan Bijih Timah kepada Industri Pelancongan di Sungai Lembing" oleh Dr. Hasnah Hussin, Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan



Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Moderator bagi program ini ialah Dr. Jamal Rizal Razali yang merupakan Pensyarah Kanan Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, ADUN Sungai Lembing. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah JMM, Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof. Seramai 150 orang peserta mengikuti program ini antaranya pelajar sekolah, pelajar IPTA dan IPTS, penjawat awam, NGO dan penduduk Sungai Lembing. Diharapkan melalui Program Wacana Ilmu-Bicara Sejarah ini dapat mengimbau kembali sejarah kegemilangan perlombongan bijih timah di Sungai Lembing dan impak pelancongan Sungai Lembing untuk tatapan anak bangsa generasi sekarang dan akan datang.

## BICARA KURATOR SIRI KEDUA TAHUN 2016

# Tamadun Lembah Bujang: Prospek Arkeologi dan Pelancongan

Oleh Juliana binti Othman ([juliana@jmm.gov.my](mailto:juliana@jmm.gov.my))



Bicara Kurator Siri Kedua Tahun 2016 telah dibentangkan oleh Encik Azman bin Adam, Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang pada 29 September 2016 bertempat di Bilik Persidangan Jabatan Muzium Malaysia. Bicara kurator pada kali ini mengupas tentang prospek arkeologi dan pelancongan Lembah Bujang. Bicara ini telah dihadiri oleh seramai 80 orang peserta. Lembah Bujang terkenal sebagai tapak proto sejarah pra Islam yang tertua di Malaysia berusia 1500 tahun, mempunyai keluasan 450 km persegi dan ia merangkumi sempadan antara Cheruk Tokun di bahagian selatan dan Bukit Choras di bahagian utara.

Penyelidik-penyalidik yang pernah menjalankan penyelidikan Arkeologi di Lembah Bujang antaranya Kolonel James Low yang menjumpai inskripsi Buddhagupta, I.H.N Evans yang menjalankan proses galicari untuk melihat secara jelas runtuhannya batu-bata bangunan candi serta pasangan suami-isteri Dr. Quaritch Wales dan Dorothy Wales yang telah dibiayai oleh The Greater India Research Committee yang berpusat di Calcutta. Persatuan Arkeologi Universiti Malaya yang berpangkalan di Singapura pada tahun 1956 yang diketuai oleh K.G Tregonning dan M.Sullivan juga turut menjalankan penyelidikan. Pada tahun 1970an, para pengkaji tempatan mulai mengambil alih penyelidikan antaranya Al Rashid



Ibrahim, Allahyarham Dr. Adi Taha, Kamaruddin Zakaria, Mohd Supian Sabtu, Zulkifli Jaafar, Prof Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Leong Sau Heng dan Dr. Zuliskandar Ramli.

Tarikan pelancongan di Lembah Bujang dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu tarikan pelancongan berdasarkan kepada alam semulajadi dan kebudayaan warisan. Puncak gunung Jerai yang menjadi mercu tanda bagi Lembah Bujang merupakan tarikan pelancongan berdasarkan kepada alam semulajadi. Antara lain yang menjadi tarikan di Lembah Bujang ialah Masjid Pengkalan Kakap yang dikatakan telah dibina sejak tahun 1800, Makam Sultan Muzaffar Shah yang terletak di Kampung Langgar, mukim Bujang Kedah, Tapak candi di Bukit Batu Pahat dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Perancangan dan pembangunan yang menyeluruh telah dilakukan secara sistematik, bertepatan dengan hasrat kerajaan negeri yang inginkan kawasan Lembah Bujang menjadi pusat warisan dunia yang telah diiktiraf oleh UNESCO dan bersempena dengan tahun melawat Kedah 2016.

## Seminar Kearifan Tempatan Siri 2 Pemeliharaan Kearifan Tempatan, Pemindahan dan Pengurusan Ilmu

Oleh Nor Hasni binti Che Hassan ([hasni@jmm.gov.my](mailto:hasni@jmm.gov.my))



Pada 8 September 2016, Jabatan Muzium Malaysia telah mengorak langkah melebarkan peranannya melestarikan warisan budaya melalui kolaborasi dengan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia dengan menganjurkan Seminar Kearifan Tempatan Siri Kedua bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Seminar ini diadakan bertujuan memperkenalkan ilmu tempatan yang murni dan kontemporari serta merekaya ilmu tempatan.

Seminar sehari ini melibatkan 6 orang pembentang kertas kerja dari USM dan JMM yang bertemakan Pemeliharaan Kearifan Tempatan, Pemindahan dan Pengurusan Ilmu. Antara pembentang kertas kerja yang telah diundang adalah Encik Azmi bin Ismail, Pengarah Muzium Negara, Encik Mohd Syahrul bin Abdul Ghani, Kurator Muzium Tekstil Negara, Prof. Madya Dr. Salasiah binti Che Lah, USM, Cik NorFarizah binti Mohd Bakhir, USM dan Dr. A.S. Hardy Shafii dari USM. Seminar ini berjaya



menarik seramai kira-kira 199 peserta yang terdiri dari ahli akademik, pelajar, pengamal budaya dan kakitangan awam. Majlis perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JMM, Y.Bhg Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim. Antara yang ditekankan oleh Ketua Pengarah JMM dalam ucapan perasmianya, beliau menggalakkan seminar seumpama ini sebagai landasan untuk bertukar-tukar fikiran Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh bin Yaapar, Ombudsman dari Pejabat Ombudsman, USM telah menyampaikan ucaptama seminar.

Seminar ini ternyata telah memberi impak positif terutama jalinan kolaborasi antara Jabatan Muzium Malaysia dengan Universiti Sains Malaysia. Selain itu, ia juga telah memberi peluang kepada para akademik dan penyelidik untuk berkongsi maklumat dan bertukar pandangan selain berperanan sebagai pemangkin untuk melestarikan warisan budaya.





# Program Bicara Sarjana 2016 Anjuran Muzium Labuan

Oleh Arzmi bin Dulang ([arzmi@jmm.gov.my](mailto:arzmi@jmm.gov.my))

Muzium Labuan telah berjaya menganjurkan program Bicara Sarjana pada 28 September 2016 di Dewan Serbaguna, Lembaga Pertubuhan Peladang Labuan. Program ini bermula seawal jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 tengahari. Penganjuran program ini adalah kesinambungan daripada program "Sejenak Bersama Tokoh" yang pertama kali diadakan pada 2001 dengan menjemput tokoh dan anak watan kelahiran Labuan YBhg. Tan Sri Harris bin Mohd Salleh, mantan Ketua Menteri Sabah serta diikuti "Majlis Diskusi Sejarah" pada 2005.

Program ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian ilmu melalui penemuan-penemuan bahan hasil kajian ahli akademik, sejarahwan, budayawan dan pelajar mengenai sejarah dan kebudayaan di Labuan. Program yang bertemakan sejarah dan kebudayaan ini telah disampaikan oleh Prof. Dr. Danny Wong Tze Ken, Pensyarah Kanan dari Universiti Malaya bagi membincarakan, mengisahkan dan berkongsi pengalaman mahupun pandangan berhubung dengan sejarah dan kebudayaan di Labuan.

Menerusi program ini sebahagian aktiviti warisan tidak tampak (*intangible heritage*) dapat dihasilkan dan disemarakkan untuk tatapan generasi muda. Seramai 120 peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan, Ahli Masyarakat, NGO, guru sekolah menengah dan pelajar Institut Latihan Perindustrian Labuan. Program Bicara Sarjana telah disempurnakan perasmiannya oleh YB Senator Datuk Hj. Yunus bin Hj. Kurus, Ahli Dewan Negara. Turut hadir ke program ini ialah Encik Nazli Ho yang mewakili Pengarah Muzium Labuan.



# BENGKEL SENI KHAT KONTEMPORARI

Oleh Zaidi bin Harun ([zaidi@jmm.gov.my](mailto:zaidi@jmm.gov.my))

Pada 29 September 2016, Muzium Kota Kayang telah menganjurkan Bengkel Seni Khat Kontemporari selama sehari bertempat di Pusat Sumber, Muzium Kota Kayang. Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 50 orang pelajar dari SMK Derma, Kangar, Perlis. Objektif bengkel tersebut adalah untuk mencungkil dan mengasah bakat dalam kalangan para peserta mengenai teknik-teknik dan kaedah yang digunakan dalam bidang seni kaligrafi khat moden khususnya kepada generasi muda.

Bengkel ini turut diadakan untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan khat yang semakin dipinggirkan oleh generasi muda pada hari ini. Bengkel ini tidak hanya memfokuskan kepada tulisan khat semata-mata, tetapi ia menggabungkan seni tampak kontemporari dan tulisan khat. Muzium Kota Kayang juga telah menjemput Puan Norazizah binti Masri, Penolong Kurator dari Bahagian Pameran

dan Pengembangan, Jabatan Muzium Malaysia sebagai tenaga pengajar untuk bengkel ini.

Bengkel seni khat kontemporari dimulakan dengan sesi penerangan dan pengenalan tentang kaligrafi khat, teknik lakaran dan peralatan yang digunakan serta proses penghasilan kaligrafi khat dan lakaran yang kemas serta menarik. Setiap pelajar dibekalkan peralatan melukis seperti berus lukisan, warna pelakar, pen dan panel kanvas. Peserta turut ditayangkan persembahan slaid, contoh-contoh lukisan dan lakaran yang pernah dihasilkan sendiri oleh tenaga pengajar. Setiap peserta diberi pilihan bebas untuk memilih tema mengikut kreativiti masing-masing. Bengkel yang dianjurkan ini telah mencapai objektif kerana telah berjaya menarik minat peserta untuk mengenali dan mencintai dunia seni melalui kesungguhan yang ditunjukkan oleh para peserta.



“Jom Main Tanah” di Muzium Negara, baru-baru ini telah mendapat respon yang amat menggalakkan khususnya dalam kalangan ibu bapa.

Aktiviti yang dipanggil sebagai “Jom Main Tanah” itu merupakan salah satu slot aktiviti pendidikan yang sering diadakan

di Muzium Negara sebagai aktiviti sokongan sempena pameran berjadual yang diadakan. Menerusi aktiviti ini peserta diberikan pencerahan dan pengenalan ringkas kepada sejarah, tekstur, jenis, fungsi serta kesesuaian tanah liat yang boleh dibentuk agar menjadi tembikar dalam pelbagai dimensi. Keterujaan jelas terbayang pada wajah kanak-kanak ini ketika berpeluang menguli dan mengukir doh tanah liat dengan tunjuk ajar pengukir tanah liat terlatih, Ida Barakah Halim dari Galeri Kantan. Tanah liat yang disediakan untuk kanak-kanak tersebut bukan seperti tanah liat biasa (plastisin) yang dimainkan di sekolah mahupun di rumah. Ia merupakan tanah liat tulen yang perlu dikeringkan selepas dibentuk. Cara membentuk tanah liat tidak sukar kerana kanak-kanak ini hanya perlu menggunakan kemahiran jari-jemari dan imaginasi mereka untuk mengukir bentuk yang diingini berdasarkan kreativiti masing-masing.

## Sempena Pameran Tempayan (*In Love With Jar Exhibition*) Di Muzium Negara

Oleh Fadhliautun binti Azmi ([fadhliautun@jmm.gov.my](mailto:fadhliautun@jmm.gov.my))



Bersempena “Pameran Tempayan” (*In Love With Jar Exhibition*) yang berlangsung di Muzium Negara bermula dari 22 Ogos sehingga 31 Oktober 2016 pelbagai aktiviti menarik turut disediakan kepada pengunjung. Pada 17 September 2016 satu aktiviti “Jom Main Tanah” berdasarkan bahan tanah liat telah berlangsung di Ruang Penerokaan Muzium Negara. Tarikan kali ini memberikan fokus kepada generasi Y, khususnya kanak-kanak bagi memberi pendedahan, memupuk minat serta merangsang kreativiti mereka berdasarkan budaya dan cara hidup masyarakat tempatan. Kanak-kanak sememangnya kaya dengan imaginasi kerana ia salah satu medium untuk belajar tentang dunia di sekeliling mereka. Imaginasi sebenarnya mampu diterjemahkan dengan cara yang positif jika ia dikolaborasi bersama kreativiti. Terjemahan imaginasi melalui seni kreatif mengukir tanah liat seperti yang yang dilakukan dalam aktiviti

Walaupun aktiviti ‘bermain’ dengan tanah liat nampak mudah tetapi sedikit sebanyak ia mengasah minda serta kreativiti kanak-kanak malah turut memperkenalkan bahawa bahan daripada tanah turut menjadi kelaziman budaya masyarakat dalam menghasilkan karya seni. Ketika mengukir dan membentuk tanah liat kanak-kanak akan menggunakan imaginasi mereka yang kadang kala hasilnya cukup mengagumkan. Aktiviti ini berjaya menarik minat seramai 45 orang kanak-kanak berserta ahli keluarga menyertai aktiviti yang dianjurkan. Aktiviti-aktiviti sebegini akan terus diadakan dari semasa ke semasa khususnya sempena cuti sekolah pada masa hadapan memandangkan populasi yang datang kebanyakannya dari keluarga muda yang mempunyai anak bersekolah rendah. Sambutan hangat daripada kanak-kanak yang menyertai aktiviti hujung minggu ini memberi petanda bahawa kanak-kanak ini memerlukan aktiviti santai bersama keluarga yang mampu membuka dan merangsang minda mereka.



## Program MUZIUMKU SEKOLAHKU 2016

Oleh Hayati binti Mohamad Zawawi ([hayati@jmm.gov.my](mailto:hayati@jmm.gov.my))

Program Muziumku Sekolahku 2016 telah diadakan pada 20 Oktober 2016 di Muzium Kota Kayang, Perlis yang melibatkan penyertaan seramai 96 orang pelajar sekolah menengah sekitar Kangar dan Kuala Perlis. Program ini merupakan jalinan kerjasama antara Muzium Kota Kayang dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis yang bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang fungsi dan peranan Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal dalam memelihara, memamer dan menjaga khazanah warisan bangsa. Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Perlis, Encik Mohd. Shafie bin Ismail telah dijemput untuk merasmikan program ini.

Pelaksanaan Program Muziumku Sekolahku bertujuan mendedahkan pelajar dengan pelbagai aktiviti lapangan dalam bidang permuziuman. Sebagai permulaan, aktiviti membuat terrarium dan aktiviti mengepin rama-rama dipilih sebagai pengisian program bagi tahun ini. Pengarah Muzium Perak, Puan Nor Hanisah binti Ahmad turut hadir memberikan ceramah yang bertajuk ‘Peranan muzium dalam kalangan generasi Y’ kepada para pelajar sebagai pengenalan mengenai muzium.

Sesi pagi program ini dimulakan dengan taklimat ringkas dan tayangan video tentang seni terrarium. Seterusnya, para pelajar dikehendaki mencari tumbuhan atau anak pokok yang bersesuaian sebagai bahan tambahan untuk aktiviti mengenai mengepin rama-rama. Satu taklimat ringkas dan tayangan video cara-cara mengepin rama-rama diadakan pada sesi petang. Melalui aktiviti ini juga, para

pelajar berpeluang untuk mempelajari teknik asas dalam membuat terrarium dan mengepin rama-rama yang mana secara tidak langsung dapat menyemai kesedaran dalam diri mereka bagaimana menghargai alam semula jadi. Diharapkan dengan penganjuran program ini, ia dapat menggalakkan para pelajar untuk lebih mendekati muzium sebagai salah sebuah institusi pendidikan tidak formal untuk tempoh jangka masa panjang.





# PROGRAM EKSPLORACE 2016 PERDANA CHIMNEY

Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan

Oleh Arzmi bin Dulang ([arzmi@jmm.gov.my](mailto:arzmi@jmm.gov.my))



Pertandingan *Explorace* Perdana Chimney telah diadakan pada 1 Oktober 2016 (Sabtu) bertempat di Muzium Chimney bermula jam 7.30 pagi sehingga 3.00 petang. Pertandingan ini melibatkan 19 kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada 4 orang ahli.

Pertandingan ini merupakan satu program yang berkonsepkan pembelajaran dan riadah “edutainment” dimana para peserta telah diberikan soalan dan tugas yang berkaitan dengan sejarah dan budaya penduduk Wilayah Persekutuan Labuan. Ia melibatkan ketiga-tiga buah muzium dan beberapa kawasan tapak bersejarah di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Antara kawasan perhentian yang perlu disinggahi oleh para peserta adalah Gedung Ubat, Taman Botanikal Labuan, War Memorial Labuan, Muzium Labuan, Marin Marin Labuan dan Menara Chimney. Semua tugas dan cabaran yang diberikan mempunyai unsur kebudayaan dan permuziuman seperti mencari monumen bersejarah, menjalankan kerja-kerja arkeologi dan pendaftaran, membuat kuih tradisi dan mengenali hidupan marin.

Pertandingan ini juga bertujuan untuk mempromosikan muzium-muzium yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan khususnya Muzium Chimney bagi menarik minat pelawat berkunjung ke muzium selain dapat menambahkan jumlah statistik pelawat muzium. Salah satu acara sampingan yang dijalankan semasa pertandingan tersebut adalah pertandingan wefie peserta. Peserta perlu memuat turun gambar mereka sewaktu menjalankan cabaran dan gambar yang paling popular akan memenangi pertandingan tersebut.

Setiap kumpulan yang bertanding akan mendapat nombor giliran yang telah ditentukan oleh pihak Muzium sendiri. Apa yang menarik mengenai pemenang pertandingan kali ini adalah nombor kumpulan yang mendapat tempat pertama dalam pertandingan adalah 001. Begitu juga dengan kumpulan yang mendapat tempat ketiga, nombor kumpulan mereka adalah 003. Ia merupakan satu kebetulan yang amat menarik. Pertandingan Explorace berakhir dengan ketibaan semua para peserta kembali ke Muzium Chimney.



# Program Terokai Muzium Negara

Oleh Fadhliautun binti Azmi ([fadhliautun@jmm.gov.my](mailto:fadhliautun@jmm.gov.my))

Muzium Negara sentiasa melaksanakan pelbagai program pendidikan bagi menyebar luas penerangan berkaitan warisan, sejarah dan kebudayaan negara kepada setiap lapisan masyarakat khususnya golongan pelajar. Salah satu program tahunan yang telah dilaksanakan adalah Program "Terokai Muzium Negara". Pada tahun ini dijalankan di empat buah sekolah di sekitar Lembah Klang, iaitu SMK Bandar Puchong Jaya (B), SK Tun Hussien Onn, SJK Tamil, Ladang West Country Timur, dan SK Bukit Bandaraya pada bulan Oktober dan Disember 2016. Program berbentuk santai ilmu ini mengetengahkan dua tema berdasarkan silibus pendidikan dan tradisi budaya masyarakat setempat. Tema Prasejarah Malaysia dan permainan tradisional Malaysia telah ditonjolkan dalam bentuk aktiviti interaktif.

Menerusi aktiviti bertemakan Prasejarah, aktiviti yang dilaksanakan adalah mini pameran pengenalan kepada Muzium Negara, tayangan dokumentari,

ekskavasi arkeologi, lakaran arang lukisan gua, serta demonstrasi penggunaan alatan batu dan cengkerang siput sebagai perhiasan diri masyarakat prasejarah. Manakala bagi tema permainan tradisional, pelajar diperkenalkan kepada beberapa jenis permainan tradisional yang sangat jarang dimainkan kini seperti serak lidi, jentik tutup botol, tuju getah, permainan adik beradik (orang asli), congkak, selambut, batu seremban dan gasing gesek buah berembang. Di samping itu juga, para pelajar diberi peluang untuk mencuba dan bermain permainan tersebut.

Program ini mendapat sambutan yang baik daripada kalangan pelajar, guru dan ibu bapa. Kolaborasi antara profesional muzium dan golongan pendidik dalam aktiviti sebegini memberi nilai tambah dan memantapkan lagi pemahaman para pelajar tentang sejarah dan kebudayaan negara. Secara tidak langsung dapat membawa Muzium Negara lebih dekat kepada masyarakat khusus para pelajar.



# Bengkel Pembuatan Arca Penguin

Oleh Syahrizul Amin Bin Ahmad ([syahrizul@jmm.gov.my](mailto:syahrizul@jmm.gov.my))

Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) telah menganjurkan Bengkel Pembuatan Arca Penguin pada 31 Oktober hingga 4 November 2016 bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan Muzium Malaysia. Bengkel yang dianjurkan bertujuan untuk memberi tambah nilai kemahiran pembuatan arca menggunakan teknik moulding dan casting kepada masyarakat, sekaligus membantu mencipta sebahagian arca penguin Emperor yang akan dipamerkan di siri pameran yang akan menyentuh tentang topik Antartika, perubahan iklim dan kaitannya dengan komuniti.

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada 5 orang kakitangan Muzium Alam Semulajadi, 10 kakitangan JMM, 7 orang dari pelbagai agensi.



Pihak YPASM telah melantik Haji Bakar @ Abdullah bin Abu Hasan dari Syarikat Zima Enterprise sebagai penceramah bersama dengan dua orang fasilitator iaitu Encik Azrul bin Bakar @ Abdullah dan Encik Sufian bin Said. Zima Enterprise dipilih adalah berdasarkan pengalaman mereka dalam bidang peracuan dan hasil kerja dari Haji Bakar@Abdullah telah digunakan oleh kebanyakan muzium-muzium diseluruh Malaysia. Hasil daripada kursus ini, para peserta mendapat ilmu pengetahuan secara "hands-on" dan boleh mengaplikasikan pembelajaran tersebut apabila diperlukan. Peserta dapat membezakan kualiti penghasilan arca melalui beberapa teknik acuan dibuat dan boleh mengaplikasi yang mana dirasakan terbaik. Pengetahuan peserta juga telah meningkat setelah menghadiri kursus ini.

# Jejak Sejarah Muzium Matang

Oleh Zairul Hida binti Hamdan ([zairulhida@jmm.gov.my](mailto:zairulhida@jmm.gov.my))



Program Jejak Sejarah @ Muzium Matang diadakan pada 21 Oktober 2016 bertujuan untuk memberi peluang kepada generasi muda terutama kanak-kanak dari sekolah rendah serta memberi pendedahan tentang sejarah tempatan yang ada di tempat mereka dan membuka minda agar lebih memahami kerjaya permuziuman melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam pengisian program ini.

Antara pengisian program ini ialah taklimat sejarah, Eksplorasi Muzium yang merangkumi aktiviti teka silangkata, mencantumkan puzzle galeri-galeri di Muzium Matang, aktiviti Musang berjanggut dan aktiviti ekskavasi di luar galeri serta tayangan video dokumentari Kepulangan Tengku Menteri Ngah Ibrahim ke Matang. Melalui program ini diharap dapat menarik lebih minat generasi muda untuk mengunjungi

muzium. Selain daripada tempat untuk menimba ilmu, muzium juga ingin dilihat sebagai tempat yang sangat menyeronokkan dan menghiburkan.

Objektif utama program ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang bidang permuziman meningkatkan kesedaran kepada pelajar-pelajar terhadap pentingnya sejarah lalu yang boleh dijadikan panduan kehidupan pada masa depan kelak, merintis jalan bagi mewujudkan semangat berpasukan antara kumpulan dan mewujudkan interaksi dua hala antara Muzium dan Institusi pendidikan

Melalui program ini, diharap dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap institusi Muzium yang sering dianggap sebagai tempat menyimpan barang lama sahaja.

# Pengaruh Islam Dalam Tembikar China


Oleh Azlina binti Ariffin ([azlina@jmm.gov.my](mailto:azlina@jmm.gov.my))

Kehalusan seni pembuatan tembikar China berunsur Islam bukan sahaja membuktikan Islam adalah agama sejagat tetapi Islam juga mencakupi berbagai bidang kehidupan manusia termasuk penghasilan pertukangan Islam yang bermutu tinggi. Kebanyakan masyarakat kita tidak menyedari bahawa setiap bahan yang digunakan dalam kehidupan seharian mempunyai erti yang besar terutamanya bagi mereka yang mengkaji tentang kebudayaan dan tamadun sesebuah masyarakat. Penggunaan tembikar secara tidak langsung ada perkaitannya dengan sistem kepercayaan dan adat masyarakat yang menggunakaninya.

Di samping itu, secara sepantas lalu ia telah mengingatkan dan mengimbau tentang sejarah silam perdagangan tembikar pada masa lampau. Hasil ciptaan tembikar berunsur Islam ini telah menarik perhatian masyarakat di seluruh dunia melalui seni pembuatannya yang menandingi pembuatan tembikar di Eropah. Walau bagaimanapun hasil pembuatan tembikar China tetap unggul kerana sehingga kini tembikar China masih belum dapat ditandingi dari segi kecantikan dan kehalusan buatannya.

Tembikar Cina berunsur Islam berbeza dari lain-lain jenis tembikar yang dihasilkan di negeri China. Tembikar ini dikeluarkan di akhir pemerintahan Dinasti Ming pada kurun ke-16 hingga akhir pemerintahan Dinasti Ching kurun ke-19. Seni Tembikar Islam mendapat tempat kerana keindahan seni tulisan kaligrafinya. Ia mengenangkan keunggulan dan keistimewaan yang tidak ada pada peradaban yang lain. Selain dari keindahan seni kaligrafi yang dihasilkan untuk menghias permukaan tembikar, setiap kalimat kaligrafi yang tertulis di permukaan


tembikar mencerminkan tradisi keagamaan. Hiasannya juga unik kerana motif serta rekacorak keseluruhannya berdasarkan ayat-ayat Al-Quran. Sesetengah tembikar ini mempunyai hasil pengaruh kesenian dari Parsi dan secara tidak langsung tukang-tukang pembuat tembikar China telah mula menghasilkan tembikar yang mempunyai hiasan berupa tulisan Arab dan Parsi.



# TAHUKAH ANDA?

Tahukah Anda bahawa salah satu antara koleksi menarik Tembikar Cina berunsur Islam ialah Tembikar China yang dikenali "Empat Segi Seher" (Magic Square) yang terdiri daripada piring, pinggan dan mangkuk. Tembikar ini amat

menarik kerana ragam hias di bahagian dalam tembikar ini terdapat jadual berbentuk segi empat yang biasanya dibahagikan kepada enam belas kotak kecil yang mengandungi angka-angka arab. Tembikar ini dipercayai mempunyai kuasa untuk memberi perlindungan dari segala mara baha dan juga untuk menyembuhkan penyakit oleh Masyarakat Dunia Islam. Di bahagian dalam tembikar ini terdapat baris ayat yang dipetik dari Al-Quran iaitu ayat Qursi disamping jadual berbentuk segi empat yang mengandungi angka-angka itu. Fungsi kedua-dua ayat dan "empat segi seher" itu dipercayai untuk menghalau hantu syaitan dan sebagai tangkai atau azimat.



## MAKSUD AYAT TERTERA

**Lapisan Pertama** Allah, tiada tuhan (yang disembah dengan sebenarnya) melainkan Dia, yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbir semesta alam (sekalian makhluknya). Yang tidak mengantuk usahakan tidur, Yang memiliki segala yang ada dilangit dan yang ada dibumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) disisinya melainkan dengan izinnya. Yang mengetahui apa yang ada dihadapan mereka dan apa yang ada dibelakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya kerusi Allah. (ilmunya dan kekuasaannya) meliputi langit dan bumi, dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya, dan dia lah yang Maha tinggi lagi Maha Besar...

**Lapisan Kedua** Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari percayakan Thaghut (syaitan, berhala dan apa sahaja yang menyesatkan) dan ia (pula) beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah) Allah amat mendengar lagi amat mengetahui. Allah pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada Cahaya (iman) Dan orang-orang kafir, penolong-penolong ialah Thaghut, yang mengeluarkan mereka...

**Lapisan Ketiga** Dari cahaya (Iman) pada kegelapan (kufur), mereka itulah ahli neraka, mereka kekal didalamnya. Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad itu pesuruh Allah. Tiada Tuhan melainkan Allah bagimu; tiada Tuhan melainkan Allah bagimu puji-pujianya. Tiada Tuhan melainkan Allah. Maha suci nama-namanya. Tiada Tuhan melainkan Allah, Maha Tinggi.

**Lapisan Keempat** Tiada Tuhan melainkan Allah penuh keimanan padanya. Tiada Tuhan melainkan Allah penuh keimanan padanya. Tiada tuhan melainkan Allah (keselamatannya) dari sisinya. Dengan nama Allah yang Maha Penyembuh. Dengan nama Allah yang Maha pencukup. Dengan nama Allah yang maha penyihat. Dengan nama Allah yang sekali-sekali tidak akan mudarat bersama dengan namanya oleh sesuatu pun yang terdapat dibumi dan dilangit dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

**Lapisan Kelima** Serulah Ali, pemberi keajaiban kepada tenteranya penolong agamaku. Orang-orang yang cuai kesemua mereka dan mereka itu akan hilang. Dia akan datang kepada engkau wahai Muhammad dan akan didatangi kepada engkau wahai Ali.

**Bahagian Tengah Hiasan** dalamnya terdapat 16 kotak-kotak kecil yang mengandungi angka arab, dikelilingi dengan 4 tulisan yang bermaksud Melainkan Ali, Tiada Pembuka, Melainkan Zul Fakar dan Tiada Pedang.



Jabatan Muzium Malaysia

# Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



MUZIUM NEGARA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT  
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK  
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA,  
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,  
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,  
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,  
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,  
JOHOR



MUZIUM LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM ENTOLOGI DUNIA MELAYU,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM LUKUT,  
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,  
PUTRAJAYA



MUZIUM MUZIK  
KUALA LUMPUR

MUZIUM KITA  
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia  
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur  
Tel.: (+603) 2267-1000 / (+603) 2282-6255 Faks: (+603) 2282-6434  
[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)